

## Pendigitalan sistem pendidikan negara perlu lebih dinamik

Siti Rohana Idris  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)



Datuk Seri Mustapa Mohamed. FOTO ROHANIS SHUKRI.

Jeli: Perubahan sistem pendidikan negara ke arah pendigitalan perlu disesuaikan dengan situasi semasa bagi memenuhi kehendak industri terhadap tenaga kerja berkemahiran.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, peredaran zaman berlaku secara dinamik dan ada kemahiran yang dimiliki tenaga kerja sudah tidak relevan dengan kehendak industri sekali gus menyebabkan majikan menawarkan gaji yang rendah.

"Pendigitalan dalam sistem pendidikan memang kita buat secara berterusan tambahan lagi kita sedang mengalami transformasi yang besar dalam tempoh 20 tahun ini menerusi peringkat rendah, menengah, vokasional dan universiti.

"Walaupun sudah banyak dilakukan perubahan, yang penting sistem ini perlu disesuaikan dengan keadaan semasa kerana ia dinamik, berubah cepat dan perlu sesuaikan dengan keperluan industri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kawasan rekreasi Bukit Salor di sini, hari ini.

Beliau berkata, sekarang ini sudah ada pihak industri tampil ke institusi kemahiran dengan menyertakan kurikulum mereka tersendiri maka hubungan antara kedua pihak perlu ditingkatkan.

Jelasnya lagi, isu kemahiran tenaga kerja yang masih rendah ini mungkin akan menjelaskan kemasukan pelaburan daripada syarikat luar yang besar sekali gus membantutkan tawaran gaji yang tinggi oleh majikan.

"Hubungan institusi yang menyediakan kemahiran ini dengan pihak industri perlu dimantapkan kerana sudah ada beberapa kaedah yang mana wakil syarikat pergi ke institusi latihan dengan menyediakan kurikulumnya sendiri jadi kita perlu tingkatkan lagi hubungan.

"Kalau kita dapat pelaburan yang tinggi dan anak muda kita ada kemahiran dalam bidang yang diperlukan, sudah pasti akan dapat menikmati gaji yang tinggi," katanya.

Dalam laporan sebelum ini, Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Datuk Dr Abdul Latif Abu Seman, menyatakan kedudukan Malaysia dalam Purata Tahun Persekutuan menggambarkan kekurangan kemahiran dalam kalangan pekerja tempatan sehingga menyebabkan sumbangan gaji yang rendah oleh majikan.

Berdasarkan laporan 'World Competitiveness Yearbook' (WCY) oleh Institute of Management Development (IMD), beliau berkata, kedudukan Malaysia di tangga ke-25 untuk petunjuk Tenaga Buruh Mahir, menyumbang kepada kedudukan global yang agak rendah bagi petunjuk berkaitan produktiviti di tempat ke-33 dalam kalangan 64 ekonomi dunia.